**KOPUTRA**
كوڤراسي ڤلابوران كاكيتاڠن بڠك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP: 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO. 88

**Nama :** ______________________________ **Tarikh :** ________________
**No. Ahli :** ______________________________

**Alamat Pejabat / Rumah:-**
____________________________________________
____________________________________________
____________________________________________

**Kepada :-**
**WISMA KOPUTRA**
**43A & 43B JALAN SG BESI INDAH 1/9,**
**TAMAN SG BESI INDAH**
**43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR**

Tuan,

**PENZAHIRAN DATA MAKLUMAT ANGGOTA – AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI, 2010 (AKTA 709)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya bersetuju dan memahami dengan jelas Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 (Akta 709) yang dinyatakan di muka surat dua (2).

3. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada KOPUTRA untuk menyediakan maklumat peribadi yang diperlukan oleh mana-mana penjamin bagi tujuan berikut:
   - Untuk memberi kebenaran kepada Koperasi memaklumkan jumlah pembiayaan dan potongan gaji bulanan kepada anggota.
   - Untuk memberi kebenaran kepada KOPUTRA memaklumkan kepada penjamin-penjamin notis menamatkan perkhidmatan / bersara yang diterima dari saya.
   - Untuk memberi kebenaran kepada KOPUTRA memaklumkan baki pembiayaan kepada penjamin-penjamin sekiranya saya menamatkan keanggotaan KOPUTRA atau menamatkan perkhidmatan /bersara.
   - Untuk memberi kebenaran kepada KOPUTRA membuat potongan dari faedah persaraan dan pampasan yang bakal saya terima bagi tujuan menjelaskan apa-apa jua baki pembiayaan dan bayaran yang masih tertunggak dengan KOPUTRA
   - Untuk urusan bayaran balik wang anggota yang masih tersimpan di KOPUTRA, sekiranya ada.

Sekian, terima kasih.

**Yang benar,**

______________________
**Tandatangan**

**KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

Ruj kami: KOPUTRA/PDPA/2019
Kepada : Semua Anggota KOPUTRA

**PEKELILING PENGUATKUASAAN**
**AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI, 2010 ( AKTA 709)**

| | |
|---|---|
| Tujuan | 1. Pekeliling ini dikeluarkan bagi memberikan maklumat berhubung dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ( Akta 709) |
| Latar Belakang | 2. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) telah diluluskan oleh Parlimen dan seterusnya diwartakan pada 10 Jun 2010.Akta ini mula berkuatkuasa pada 15 November 2013. Berikutan penguatkuasaan Akta ini, KOPUTRA selaku Subjek Data dan anggota KOPUTRA selaku Pengguna Data adalah merupakan pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan Data Peribadi di dalam KOPUTRA.<br>3. Menjadi amalan KOPUTRA untuk tidak mendedahkan apa-apa butiran peribadi anggota kepada pihak yang tidak berkenaan. Oleh itu, dengan berkuatkuasanya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ini, ianya akan menguatkan lagi polisi yang memang diamalkan oleh KOPUTRA selama ini.<br>4. Pada masa ini, Data Peribadi anggota disimpan di dalam Sistem Keanggotaan KOPUTRA dan salinan asal di dalam fail peribadi anggota. Semua data peribadi ini hanya boleh diaksess oleh pegawai-pegawai yang berkebenaran sahaja. Walaubagaimanapun, semua anggota sebagai subjek data berhak menyemak dan mengemaskini data peribadi tersebut sekiranya perlu dengan menghubungi pegawai di bahagian keanggotaan. |
| Pelaksanaan | 5. KOPUTRA akan memproses data peribadi anda seperti yang disenaraikan di bawah , yang telah diberikan oleh anda kepada KOPUTRA :<br>• Nama, Bangsa, No Kad Pengenalan dan Jantina<br>• Taraf Perkahwinan<br>• Butiran Akaun<br>• Butiran Perhubungan termasuk no telefon rumah, no telefon bimbit, alamat e-mel, alamat rumah dan alamat surat menyurat.<br>• Sebarang data peribadi yang diambil daripada dokumentasi perundangan termasuk Perjanjian Pembiayaan, Kad Pengenalan, Sijil Nikah dan Sijil Kematian( yang berkenaan)<br>6. KOPUTRA akan memproses data peribadi tersebut bagi tujuan- tujuan yang berikut :<br>• Untuk membantu menyediakan produk dan perkhidmatan koperasi<br>• Untuk penyelenggaraan pengkalan data anggota dan proses-proses yang berkaitan dengan perkhidmatan keanggotaan<br>• Untuk tujuan tuntutan takaful.<br>• Untuk tujuan kewangan dan bil, termasuk bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan oleh KOPUTRA.<br>• Untuk memenuhi keperluan undang-undang<br>• Untuk pembayaran dividen<br>• Untuk menghubungi anda<br>• Untuk menjawab sebarang pertanyaan<br>• Untuk tujuan Penyelidikan termasuk penyimpanan rekod sejarah dan statistik<br>• Bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan yang disediakan oleh KOPUTRA secara umum.<br>• Untuk tujuan pemadaman data peribadi yang disimpan oleh KOPUTRA dari semasa ke semasa<br>• Untuk tujuan komunikasi berkala dengan anda berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh KOPUTRA<br>7. KOPUTRA memerlukan data peribadi tersebut sekiranya anda tidak membekalkan semua maklumat seperti yang diminta. KOPUTRA tidak akan dapat menyimpan rekod lengkap mengenai anda dan jualan itu akan menjejaskan keupayaan untuk mencapai tujuan seperti yang dinyatakan di atas. |
| Pendedahan Data Peribadi | 8. KOPUTRA mungkin mendedahkan data peribadi tersebut kepada pihak-pihak berikut bagi tujuan seperti yang dinyatakan di atas:<br>• Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan KOPUTRA yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul<br>• Pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data<br>• Di dalam keadaan di mana kelewatan atau keingkaran pembayaran telah berlaku, data peribadi tersebut akan didedahkan kepada peguam yang telah dilantik oleh KOPUTRA, agensi kutipan hutang dan agensi rujukan kredit<br>• Mana-mana individu yang di bawah kewajipan kerahsiaan yang telah mengaku janji untuk memastikan data tersebut dirahsiakan<br>9. KOPUTRA juga mungkin akan mendedahkan data peribadi tersebut jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau secara niat baik, jika tindakan tesebut adalah perlu bagi memastikan kehendak mana-mana agensi penguatkuasa undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang atau melindungi dan mempertahankan hak atau harta KOPUTRA, pekerjanya dan syarikat-syarikat berkaitannya. |
| Akses, Pembetulan dan Aduan | 10. Jika anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk akses atau pembetulan keatas data peribadi, anda boleh menghubungi pegawai di KOPUTRA dengan menelefon di talian 03-89419770 atau fakskan di talian 03-89408732 dari jam 8.45pagi - 5.45petang atau juga boleh diemelkan kepada kawalankredit.koputra@gmail.com.<br>11. Jika anda memilih untuk menghadkan hak KOPUTRA untuk memproses data peribadi, anda boleh memaklumkan kepada pegawai di KOPUTRA secara bertulis. |
| Pemakaian | 12. Pekeliling Penguatkuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) berkuatkuasa serta merta. |

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,

(SAZALI BIN S[illegible]DIN)
Setiausaha KOPUTRA